

Headline **Keracunan: Tindakan terhadap sekolah cuai**  
Date **08. May 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **9**  
Section **Dlm Negeri** Article Size **110** cm2  
Circulation **238082** Frequency **Daily**  
Readership **833287** Color **Full Color**



## Keracunan: Tindakan terhadap sekolah cuai

KUALA LUMPUR 7 Mei - Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap pentadbir sekolah jika terbukti kecuaiannya mereka menjadi punca kejadian keracunan makanan dalam kalangan murid.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan tegas untuk menamatkan kontrak juga akan dikenakan terhadap pengusaha kantin dan pembekal makanan yang terlibat dengan kejadian itu.

Katanya, pengusaha dan pembekal berkenaan juga akan disenarai hitam bagi mencegah kejadian itu daripada berulang.

"Kita memandang serius kejadian ini dan telah mengarahkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) mengadakan pemantauan ke sekolah dari semasa ke semasa," katanya menjawab soalan Nurul Izzah Anwar (PKR-Lembah Pantai) pada sidang Dewan Rakyat

hari ini.

Hishammuddin berkata, langkah lain bagi mencegah kejadian itu ialah mengadakan Seminar Pengurusan Kualiti Makanan yang melibatkan pengusaha kantin dan asrama.

"Talian *hotline* dan faks khusus turut diwujudkan di peringkat kementerian bagi membolehkan orang ramai membuat aduan berhubung kejadian keracunan makanan di sekolah," jelasnya.

Mengenai keberkesanan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Hishammuddin berkata, kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) tahun lalu mendapati program itu mencapai matlamat yang digariskan oleh kementerian.

Bagi memastikan pelajar mendapat makanan seimbang, jelas beliau, kementerian itu dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menye-

diakan 20 jenis menu mengikut keperluan nutrien seorang murid berdasarkan Saranan Pengambilan Nutrien 2005.

Menjawab soalan tambahan Nurul Izzah yang ingin tahu adakah kerajaan akan menubuhkan badan seperti Agensi Piawaian Makanan United Kingdom bagi menyeragamkan kualiti makanan di sekolah seluruh negara, Hishammuddin berkata, ia tidak diperlukan.

"Ini kerana keperluan sekolah berbeza mengikut lokasi dengan tumpuan kita ialah meningkatkan kualiti makanan pelajar di luar bandar yang masih ketinggalan.

"Walaupun dilihat tidak sebaik di UK tetapi kalori makanan yang disediakan di negara ini adalah mencukupi bagi memastikan anak-anak kita membesar dengan selesa," ujarnya.